

Nama:

Kelas:

Tarikh:




Praktis Ekstra

Modul 1

1. Dengan menggunakan perisian komputer yang sesuai, bina sebuah rajah kitaran perakaunan. Kemudian, *copy and paste* rajah kitaran perakaunan anda di ruang jawapan di bawah ini.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd

- 2.** Padangkan definisi berikut dengan andaian, prinsip dan batasan perakaunan dengan menulis huruf **A**, **B**, atau **C** dalam petak sebelahnya. Kemudian, tuliskan andaian, prinsip dan batasan perakaunan berkenaan di ruang yang disediakan.



- (a) Suatu jangka masa perakaunan yang ditetapkan oleh perniagaan untuk menilai prestasi perniagaan dan membuat perbandingan.
- (b) Semua aset dinilaikan pada harga kos belian semasa aset dibelikan.
- (c) Perniagaan adalah satu entiti yang berasingan daripada pemiliknya.
- (d) Kos penyediaan maklumat tidak boleh melebihi nilai maklumat tersebut kepada pengguna Penyata Kewangan.
- (e) Perniagaan menggunakan kaedah merekod data secara konsisten.
- (f) Sebuah perniagaan diandaikan akan terus beroperasi untuk satu masa yang berlanjutan.
- (g) Segala hasil bagi sesuatu tempoh perakaunan harus dipadankan dengan segala perbelanjaan dalam tempoh yang sama untuk mengira untung atau rugi perniagaan.
- (h) Semua urus niaga diukur mengikut nilai wang.

<input type="text"/>	_____

- 3.** Maklumat berikut diambil dari Kedai Alat Tulis Alvin dan Syarikat Lisa:

- (a) Kedai Alat Tulis Alvin tidak merekodkan pembayaran insurans nyawa oleh pemilik perniagaan. Apakah andaian dalam perakaunan yang dipatuhi oleh pemilik Kedai Alat Tulis Alvin? Apakah tujuan andaian dalam perakaunan ini?

- (b) Syarikat Lisa mempunyai dua anak syarikat yang diuruskan oleh dua orang anaknya. Buku perakaunan berasingan disimpan untuk setiap anak syarikat itu. Adakah tindakan Syarikat Lisa itu mematuhi andaian dalam perakaunan? Terangkan.

4. Maklumat berikut diambil dari Syarikat Green Forever:

- (a) Kerani akaun tidak mengambil kira sewa belum terperoleh dan gaji belum bayar semasa menentukan keuntungan tempoh kewangan itu. Nyatakan prinsip dalam perakaunan yang tidak dipatuhi oleh pemilik Syarikat Green Forever. Jelaskan.

- (b) Akaun Kenderaan menunjukkan baki sebanyak RM55 000, iaitu harga belian pada 3 tahun yang lalu. Harga pasaran sekarang ialah RM40 000. Apakah prinsip dalam perakaunan yang dipatuhi oleh pemilik perniagaan tersebut? Jelaskan.

- (c) Syarikat Green Forever telah memutuskan tidak mengupah akauntan untuk mendapat maklumat pesaing kerana tidak berbaloi. Apakah batasan dalam perakaunan yang dipatuhi? Jelaskan.

5. Nyatakan andaian, prinsip atau batasan perakaunan bagi situasi berikut:

- (a) Pada tahun berakhir 31 Disember 20X7, nilai buku bersih bagi premis ialah RM120 000 tetapi nilai pasaran semasa ialah RM300 000. Nilai yang dilaporkan dalam penyata kewangan ialah RM300 000.

- (b) Pemilik Syarikat Cahaya telah membayar ansuran kereta isterinya dengan menggunakan cek perniagaan. Perkara ini telah direkodkan dalam buku perakaunan perniagaan.

- (c) Puan Zaharah mengandaikan restoran yang baru dibukanya akan terus beroperasi bagi suatu jangka masa yang tidak terbatas.

- (d) Sewa bagi tahun hadapan telah diterima pada tahun ini dan perniagaan tidak mencatatkannya sebagai hasil tahun ini.

- (e) Perniagaan Katrina telah menetapkan susut nilai 10% setahun atas kos bagi kenderaan perniagaannya. Tempoh perakaunannya berakhir pada 30 Jun setiap tahun.

- 6.** Dengan menggunakan perisian komputer yang sesuai, bina peta i-THINK yang sesuai untuk menunjukkan hasil perbandingan antara kedua-dua entiti perniagaan yang ditunjukkan dalam gambar yang berikut.

KBAT Menganalisis **i-THINK**

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd